

AXCEL FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Folic Acid Tablet.
2. Bagaimana Axcel Folic Acid Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Folic Acid Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Folic Acid Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Folic Acid Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Folic Acid Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Folic Acid Tablet

Folic Acid Tablet digunakan untuk beberapa jenis anemia tertentu yang disebabkan oleh pemakanan yang tidak baik, penyerapan makanan yang tidak mencukupi atau peningkatan penggunaan folat dalam badan seperti:

- Kekurangan nutrisi yang menyebabkan anemia makrositik (pembesaran sel darah merah).
- Anemia megaloblastik.
- Anemia semasa hamil dan perut yang dibuang melalui pembedahan, dan dalam penyakit autoimun.

Bagaimana Axcel Folic Acid Tablet berfungsi

Axcel Folic Acid Tablet merupakan kumpulan vitamin-B. Ia diperlukan untuk penghasilan dan pematangan sel darah merah yang normal.

Sebelum menggunakan Axcel Folic Acid Tablet

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Folic Acid Tablet jika:

- Anda alah kepada asid folik atau bahan lain.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Folic Acid Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Folic Acid Tablet anda:

- Vitamin B12.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Folic Acid Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Folic Acid Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Bagi rawatan megaloblastic anaemia:

Dewasa: Permulaannya, 10-20mg tablets setiap hari untuk tempoh 14 hari, atau sehingga terdapat pembentukan sel darah.

Dos pengekalan harian ialah 2.5-10mg.

Kanak-kanak:

1-5 tahun: 2.5mg setiap hari.

6-12 tahun: 5mg setiap hari.

Bagi pencegahan anemia megaloblastic semasa hamil:

0.2 - 0.5mg setiap hari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila keadaan yang sesuai untuk anda menggunakan Axcel Folic Acid Tablet mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Folic Acid Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Folic Acid Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Folic Acid Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Folic Acid Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah

AXCEL FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Hilang selera makan.
- Rasa loya.
- Kembung perut.
- Buang angin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Folic Acid Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Folic Acid Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Folic Acid Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Folic Acid Tablet adalah tablet berwarna kuning, biconvex, berbentuk bulat, berdiameter 8mm dengan satu garis lurus pada satu permukaan dan bertanda logo Kotra di permukaan yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Folic Acid

- Bahan Tidak Aktif:
Lactose, Corn Starch, PVP K90, Magnesium Stearate dan Purified water.

-Nombor MAL

MAL19911445XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/02/2023

Nombor siri

NPRA(R4/1)160118/00012